

SERUAN MAHATHIR KEPADA NEGARA - NEGARA SELATAN

Marilah berdikari

Oleh
**Rosli Ismail, Razak
Rashid Ghows, Ro-
zaid Abdul Rah-
man, Gamal Nasir
Mohd. Ali, Razif
Ahmad dan Hassan
Mohd. Nor**

UM - 2 JUN 1990

**KUALA LUMPUR 1
Jun - Dato' Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini mengajak negara -
negara Selatan 'melepas-
kan' diri mereka dari-
pada pergantungan ke-
pada Utara dan mencari
pendekatan - pende-
katan baru untuk berdiri
atas kaki sendiri.**

"Kita tidak boleh mengharap-
kan orang lain untuk menyelesaik-
an masalah kita yang boleh me-
rugikan mereka."

"Paling tidak mereka akan
membantu kita berdasarkan ke-
pentingan mereka," tegas Perdana
Menteri.

Dalam ucapan yang merang-
sangkan pemikiran semasa me-
rasmikan Persidangan Kemuncak
Pertama Kumpulan Perundingan
dan Kerjasama Selatan - Selatan
(K-15) di Parlimen hari ini, Per-
dana Menteri menegaskan:

"Kita harus belajar dari satu
sama lain. Kita harus membantu
satu sama lain. Kita harus bersatu
sewaktu menghadapi masalah -
masalah yang sama."

Perdana Menteri menegaskan
bahawa persidangan kemuncak ini
akan gagal sekiranya negara - ne-
gara Selatan tidak menyelesaikan
masalah - masalah yang mereka
hadapi mengikut kemampuan ma-
sing - masing.

Dalam hubungan ini, beliau
menggesa negara - negara Selatan
supaya menimba faedah daripada

potensi ekonomi yang besar hasil
kerjasama ekonomi dan pening-
katan perdagangan di antara satu
sama lain.

Negara - negara anggota K-15
ialah Algeria, Argentina, Brazil,
Mesir, India, Indonesia, Jamaica,
Mexico, Nigeria, Peru, Senegal,
Venezuela, Yugoslavia, Zimbabwe
dan Malaysia.

Sembilan dari negara - negara
anggota K-15 yang menghadiri si-
dang tiga hari ini diwakili oleh
Presiden atau Perdana Menteri
masing - masing, manakala yang
lain kebanyakannya oleh Menteri
Luar bagi pihak ketua-ketua keraja-
an.

**Lagi laporan dan gambar -
gambar di muka 2, 3 dan
5**

Antara ketua kerajaan yang ha-
dir ialah Presiden Suharto dari In-
donesia, Presiden Zimbabwe Encik
Robert Mugabe, Presiden Argenti-
na Dr. Carlos Saul Menem, Presi-
den Senegal Abdou Diouf dan
Perdana Menteri India Vishwanath
Pratap Singh.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata
terdapat banyak perkara yang bo-
leh dilakukan oleh negara - negara
Selatan untuk kepentingannya
sendiri yang kebanyakannya dalam
bidang ekonomi.

Menurutnya, negara - negara
Selatan harus berusaha menimba
faedah dari potensi ekonomi yang
besar hasil kerjasama ekonomi dan
peningkatan perdagangan antara
satu sama lain.

Bagi mencapai matlamat itu,

LIHAT MUKA 2



1-3 Jun 1990, Kuala Lumpur

UR - 2 JUN 1990

MARILAH BERDIKARI

Perdana Menteri berkata negara - negara Selatan perlu merangka semula pasaran mereka yang besar yang kini kebanyakannya hanya boleh didapati oleh negara - negara maju di Utara.

Beliau berkata hampir semua negara di Selatan tidak mengetahui peluang besar perdagangan yang telah digunakan oleh sektor perdagangan di utara.

Perdana Menteri juga mencadangkan pembentukan sebuah sekretariat tetap negara sedang membangun dan mengadakan laluan udara negara - negara selatan untuk tujuan berkenaan.

Katanya, dua cadangan Malaysia yang dikemukakan untuk pertimbangan sidang ini iaitu pembentukan rangkaian maklumat perdangan dan pusat pertukaran data pelaburan negara - negara Selatan adalah bertujuan untuk menggiatkan kerjasama ekonomi antara satu sama lain.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bukanlah satu perkara yang mustahil bagi negara - negara miskin menjadi kaya kerana ada negara yang sudah berjaya melakukannya.

Menurutnya, jika mereka boleh, yang lain - lain juga boleh, cuma tempoh mencapainya mungkin berbeza tetapi adalah tidak wajar menganggap setengah - setengah negara tidak mampu langsung mencapainya.

Menyentuh tentang laporan yang telah disiapkan

oleh Suruhanjaya Selatan, beliau berharap ia tidak dibiarkan menjadi satu latihan akademik sahaja.

Katanya, kalangan negara - negara anggota mungkin bersetuju atau tidak bersetuju ke atas perkara - perkara dalam laporan itu.

"Apa yang penting ialah kita harus bertindak, kita harus menggerakkan proses yang akan membuatkan usaha negara - negara Selatan ini berguna dan produktif," ujarnya.

Dalam ucapan itu Dato' Sri Dr. Mahathir menolak anggapan setengah - setengah pihak bahawa K-15 dibentuk untuk menentang kumpulan tujuh negara maju.

"Kita tidak melantik diri kita sendiri sebagai pengantara dan penggubal peraturan hal ehwal ekonomi atau berkomplot menentang Utara," katanya.

Beliau menegaskan bahawa kumpulan itu ditubuhkan dengan tujuan bagi membolehkan negara - negara sedang membangun bersidang untuk berbincang mencari penyelesaian terhadap masalah - masalah yang melanda Selatan.

Perdana Menteri menambah bahawa kumpulan itu berhasrat untuk merapatkan dialog dengan negara - negara maju kerana ketiadaan dialog seumpama itu telah menyebabkan jurang ekonomi antara Utara dan Selatan semakin luas sejak kegagalan dialog pertama Utara - Selatan.

"Kami sedar bahawa kami lemah dan sangat bergantung kepada Utara. Tetapi kami berharap kami dibenarkan bercakap dengan bebas kerana kami merasai demokrasi bukan sahaja harus wujud di dalam sesebuah negara tetapi juga antara negara," tegasnya.

Beliau berkata ia adalah merupakan satu tindakan yang mengeneipkan demokrasi dalam hubungan antara rakyat dan negara jika negara - negara maju 'memulas tangan' negara - negara sedang membangun cuma kerana ia mempraktikkan kebebasan bersuara.

Menyentuh tentang hutang luar, beliau berkata, masalah beban hutang yang besar ditanggung oleh negara - negara sedang membangun bukanlah kerana ia sengaja mahu berhutang dan tidak mahu membayar balik.

Katanya, negara - negara sedang membangun berhutang ketika keadaan ekonomi dunia begitu makmur dan para peminjam sendiri percaya kemampuan mereka untuk membayar balik.

Beliau menambah kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku dan penurunan nilai mata wang negara sedang membangun bukanlah akibat perbuatan mereka sendiri.

"Negara tidak boleh dijadikan muflis seperti yang dilakukan ke atas syarikat atau individu," katanya sambil menambah orang - orang yang muflis boleh mati tetapi tidak sebuah negara.